


Oleh Presiden  
Dieter F. Uchtdorf  
Penasihat Kedua dalam  
Presidensi Utama



# Selepas Kasih Sayang, Seterusnya Apa?

**N**abi terkasih kita, Presiden Thomas S. Monson, telah mengajar bahawa “kasih sayang adalah intipati Injil.”<sup>1</sup>

Kasih sayang adalah begitu penting sehingga Yesus memanggil ia “hukum yang pertama dan yang besar” dan berkata bahawa setiap zarah undang-undang dan kata-kata para nabi bergantung ke atasnya.<sup>2</sup>

Kasih sayang adalah motif utama untuk semua yang kita lakukan dalam Gereja. Setiap program, setiap mesyuarat, setiap tindakan kita buat sebagai pengikut Yesus Kristus harus berasal dari sifat ini—kerana tanpa kasih ihsan, “kasih suci Kristus,” kita adalah tiada apa-apa.<sup>3</sup>

Apabila kita memahami ini dengan minda dan hati kita, apabila kita mengisytiharkan kasih sayang kita kepada Tuhan dan untuk sesama manusia kita—kemudiannya apa?

Adakah rasa kasihan dan kasih sayang untuk orang lain mencukupi? Adakah pengisytiharan kasih sayang kita kepada Tuhan dan sesama memenuhi tanggungjawab kita kepada Tuhan?

## Perumpamaan tentang Dua Anak Lelaki

Di Bait Suci di Yerusalem, imam-imam utama dan orang tua-tua Yahudi mendekati Yesus untuk memerangkap Dia dalam kata-kata-Nya. Juruselamat, bagaimanapun, memutarakan situasi berikut kepada mereka dengan memberitahu satu cerita.

“Ada seorang lelaki yang mempunyai dua anak lelaki,” Dia mulakan. Bapa itu pergi kepada anak yang sulung

dan meminta dia untuk pergi bekerja di ladang anggur. Tetapi anak itu menolak. Kemudian anak itu “bertaubat, dan pergi.”

Bapa itu kemudiannya pergi kepada anak yang kedua dan meminta dia untuk pergi bekerja di ladang anggur tersebut. Anak kedua memberi jaminan kepadanya bahawa dia akan pergi, tetapi dia tidak pernah pergi.

Kemudian Juruselamat berpaling kepada para imam dan orang tua-tua dan bertanya, “Siapakah di antara dua anak itu yang melakukan kehendak bapanya?”

Mereka mengakui bahawa ia merupakan anak lelaki sulung—yang berkata dia tidak akan pergi tetapi kemudiannya bertaubat dan pergi bekerja di ladang tersebut.<sup>4</sup>

Juruselamat menggunakan cerita ini untuk menekankan satu prinsip yang penting—mereka yang taat kepada perintah-perintahlah yang benar-benar mengasihi Tuhan.

Mungkin inilah sebabnya Yesus berkata kepada orang ramai untuk mendengar dan mengikuti kata-kata Farisi dan jurutulis tetapi jangan mengikuti contoh mereka.<sup>5</sup> Pengajar-pengajar agama ini tidak melakukan apa yang mereka ajarkan. Mereka suka untuk bercakap tentang agama, tetapi malangnya mereka terlepas intipatinya.

## Tindakan dan Keselamatan kita.

Dalam salah satu pengajaran terakhir Juruselamat kepada pengikut-Nya, Dia bercakap kepada mereka tentang Penghakiman akhir. Orang yang jahat dan orang yang soleh akan dipisahkan. Orang soleh akan mewarisi

kehidupan abadi; orang jahat akan dihantar ke hukuman abadi.

Apakah perbezaan di antara dua kumpulan ini?

Mereka yang menunjukkan kasih sayang mereka melalui tindakan telah diselamatkan. Mereka yang tidak melakukannya telah dihukum.<sup>6</sup> Penukaran hati benar kepada Injil Yesus Kristus dan kepada nilai-nilai dan prinsip-prinsip Nya akan disaksikan melalui tindakan kita dalam kehidupan harian.

Akhirnya, perisytiharan kasih sayang kepada Tuhan dan sesama manusia semata-mata tidak melayakkan kita untuk permuliaan. Kerana, seperti yang Yesus mengajarkan, “tidak semua orang yang memanggil Aku, ‘Ya Tuhan, ya Tuhan,’ akan menikmati Pemerintahan Tuhan, tetapi hanya orang yang melakukan kehendak Bapa-Ku yang di syurga.”<sup>7</sup>

### Apakah yang datang selepas Kasih Sayang?

Jawapan kepada soalan “Selepas Kasih Sayang, Seterusnya Apa?” boleh menjadi mudah dan terus-terang. Jika kita benar-benar mengasihi Juruselamat, kita mahu memberi hati kita kepada-Nya dan kemudian kita berjalan di laluan penganutan. Apabila kita mengasihi Tuhan, kita akan berusaha untuk mematuhi perintah-Nya.<sup>8</sup>

Jika kita benar-benar mengasihi sesama manusia, kita akan menghulurkan diri kita untuk membantu “yang miskin dan yang memerlukan, yang sakit dan yang sengsara.”<sup>9</sup> Bagi mereka yang melakukan perbuatan belas kasihan dan pelayanan yang tidak mementingkan diri sendiri ini,<sup>10</sup> ialah sama seperti pengikut Yesus Kristus.

Ini adalah apa yang datang selepas kasih sayang.

Ini adalah intipati Injil Yesus Kristus.

#### NOTA

1. Thomas S. Monson, “Kasih Sayang—Intipati Injil,” *Liahona*, Mei 2014, 91.
2. Lihat Matius 22:36–40.
3. Lihat Moroni 7:46–47.
4. Lihat Matius 21:28–32.
5. Lihat Matius 23:3.
6. Lihat Matius 25:31–46.
7. Matius 7:21.
8. Lihat Yohanes 14:15.
9. Ajaran dan Perjanjian 52:40.
10. Lihat Mosia 18:8–9.

### MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presiden Uchtdorf mentakrifkan pengikut benar Yesus Kristus ialah mereka yang menunjukkan kasih sayang kepada-Nya dan untuk orang lain melalui tindakan mereka. Dia mengajarkan kita bahawa “jika kita

benar-benar mengasihi Juruselamat, kita mahu memberi hati kita kepada-Nya dan kemudian kita berjalan di laluan penganutan. Pertimbangkan untuk menanya mereka yang anda mengajar apakah cara-cara kasih sayang yang telah mendorong mereka untuk berjalan di laluan penganutan. Anda boleh berkongsi pengalaman anda dengan mereka juga. Anda boleh mempertimbangkan untuk menjemput mereka berdoa untuk mempunyai lebih kasih ihsan dan kekuatan untuk bertindak dengan kasih sayang.

## REMAJA

### Mematuhi Perintah-perintah dan Menyayangi yang Lain

Apabila kita berfikir tentang kasih sayang, seringkali perkara pertama yang datang ke fikiran adalah wayang romantis, coklat, dan bunga. Tetapi kasih sayang—kasih sayang *sejati*—adalah jauh lebih mendalam dan lebih tidak mementingkan diri daripada itu. Yesus Kristus hidup untuk kita dan mati untuk kita kerana kasih-Nya untuk kita. Malah, dua perintah yang besar adalah untuk mengasihi Tuhan dan mengasihi orang lain (lihat Matius 22:36–40). Tetapi bagaimana kita boleh *menunjukkan* kepada orang lain yang kita mengasihi mereka?

Presiden Uchtdorf mengongsi perumpamaan Kristus tentang dua orang anak lelaki, seorang yang bekerja untuk bapanya dan seorang lagi yang tidak. Juruselamat menekankan bahawa hanya anak yang mematuhi bapanya benar-benar mengasihinya. Begitu juga, apabila kita mematuhi perintah-perintah Tuhan, kita menunjukkan yang kita mengasihi-Nya dan mahu kembali kepada-Nya.

Tetapi bagaimana kita menunjukkan yang kita mengasihi semua orang? Presiden Uchtdorf menjelaskan juga: “Jika kita benar-benar mengasihi sesama manusia, kita akan menghulurkan diri kita untuk membantu ‘yang miskin dan yang memerlukan, yang sakit dan yang sengsara.’ Bagi mereka yang melakukan perbuatan belas kasihan dan layanan yang tidak mementingkan diri sendiri ini, ialah sama seperti pengikut Yesus Kristus.

Jadi, lain kali apabila anda melihat ibu bapa anda, adik-beradik, atau kawan, fikirkanlah tentang melayani

mereka untuk menunjukkan kasih sayang anda kepada mereka. Bukan sahaja ini membuatkan mereka dan anda gembira, tetapi ini juga akan membuat Bapa di Syurga anda gembira.

## KANAK-KANAK

### Menunjukkan Kasih Sayang

**Y**esus mengongsikan satu cerita tentang seorang bapa dan dua anak lelakinya. Bapa itu bekerja di ladang anggur dan meminta kedua-dua anaknya untuk membantu. Anak yang sulung itu mula-mulanya berkata tidak mahu tetapi kemudiannya dia datang untuk membantu di ladang anggur. Anak kedua berkata yang dia akan membantu, tetapi dia tidak pernah pergi membantu. Yesus mengajarkan bahawa anak pertama itu menunjukkan lebih kasih sayang kepada bapanya dengan kepatuhan.

Lakonkanlah cerita ini! Kemudiannya tuliskan atau lukiskan tiga perkara yang anda boleh buat untuk menunjukkan kasih sayang anda kepada Bapa Syurgawi.

© 2016 Intellectual Reserve, Inc. All rights reserved. Dicitak di USA.  
Kelulusan bahasa Inggeris: 6/16. Kelulusan penterjemahan: 6/16.  
Penterjemahan *First Presidency Message, September 2016*. Malay 12869 348



# Keibubapaan Adalah Tanggungjawab Kudus

Iman, Keluarga, Pertolongan

*Kaji bahan pengajaran ini dengan doa dan carikan inspirasi untuk mengetahui apa yang harus dikongsi. Bagaimana pemahaman “Suatu Perisytiharan kepada Dunia” boleh meningkatkan iman anda kepada Tuhan dan memberkati mereka yang anda jaga melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari [reliefsociety.lds.org](http://reliefsociety.lds.org).*

**B**apa Syurgawi kita menubuhkan keluarga untuk membantu kita mengajar prinsip-prinsip yang betul dalam suasana yang penuh kasih sayang. Presiden Thomas S. Monson berkata: “Berikan anak kamu satu pujian dan pelukan; dan berkata, ‘Saya sayang kamu’ lebih kerap; sentiasa tunjukkan kesyukuran kamu. Jangan membiarkan masalah yang perlu diatasi menjadi lebih penting daripada orang yang perlu dikasihi.”<sup>1</sup>

Susan W. Tanner, bekas presiden umum Remaja Puteri, mengajarkan: “Bapa di Syurga kita memberikan contoh corak yang kita harus ikuti. Dia mengasihi kita, mengajar kita, bersabar dengan kita, dan mengamanahkan kita dengan hak pilihan kita. . . . Kadang-kadang disiplin, yang bermaksud ‘untuk mengajar,’ dikelirukan dengan kritikan. Kanak-kanak—termasuklah juga orang ramai yang pelbagai umur—memperbaiki tingkah laku melalui kasih sayang dan galakan lebih daripada pengkritikkan.”<sup>2</sup>

“Jika kita dengan setia mengadakan doa keluarga, pembelaan kitab suci, malam keluarga,

berkat-berkat imamat, dan kepatuhan Hari Sabat,” kata Elder Quentin L. Cook dari Kuorum Dua Belas Rasul, “anak-anak kita akan . . . bersedia untuk rumah abadi di syurga, tidak kira apa yang terjadi kepada mereka di dunia yang susah”<sup>3</sup>

## **Ayat-ayat Suci Tambahan**

1 Nefi 8:37; 3 Nefi 22:13; Ajaran dan Perjanjian 93:40; 121:41

## **Kisah Benar**

“Saya sedang membaca surat khabar apabila salah seorang cucu kecil saya merapati saya,” kata Elder Robert D. Hales dari Kuorum Dua Belas Rasul. “Sambil saya sedang membaca, saya gembira untuk mendengar suara manis dia bercakap di latar belakang. Bayangkan terkejutnya saya apabila, beberapa ketika kemudian, dia menolak dirinya antara saya dan kertas. Mengambil muka saya dalam tangannya dan menekan hidungnya ke hidung saya, dia bertanya, ‘Atuk! Adakah kamu di sana?’

“ . . . Berada *di sana* bermaksud memahami hati pemuda-pemudi kita dan berhubung dengan

mereka. Dan berhubung dengan mereka bermaksud bukan hanya berbual-bual dengan mereka tetapi melakukan perkara dengan mereka juga. . . .

“Kita mesti merancang dan mengambil kesempatan daripada detik-detik mengajar. . . .

“ . . . Semakin saya hidup, semakin saya menyedari bahawa detik-detik pengajaran di masa remaja, terutamanya yang disediakan oleh ibu bapa saya, telah membentuk hidup saya dan membuat saya menjadi saya.”<sup>4</sup>

## **NOTA**

1. Thomas S. Monson, “Love at Home—Counsel from Our Prophet,” *Liahona*, Ogos 2011, 4.
2. Susan W. Tanner, “Did I Tell You . . . ?” *Liahona*, Mei 2003, 74.
3. Quentin L. Cook, “Tuhan Ialah Cahayaku” *Liahona*, Mei 2015, 64.
4. Robert D. Hales, “Our Duty to God: The Mission of Parents and Leaders to the Rising Generation,” *Liahona*, Mei 2010, 96, 95.

## ***Pertimbangkan Ini***

Mengapa Injil diajar lebih baik melalui bahasa dan contoh kasih sayang?